TAUDHIH AL-AHKAM

# PENERANGAN HASIL INOVASI

MAHIR

MUFTI AGENT HUKUM ISLAMIC RELIGION

# GARISMASA

# SISTEM TAUDHIH AL-AHKAM

- **10 OKT 2018** — cetusan idea
- **2018** — kajian pasaran
- **2018** — mohon bajet dari kerajaan negeri
- **2019** — Prioriti pelan strategik JMNS 2020-2024
- **16 JULAI 2020** — Kajian Keperluan Pengguna / User requirement Study
- **22 JULAI 2020** — Permohonan khas kepada Lembaga Zakat Selangor
- **JULAI - OGOS 2020** — Penilaian vendor
- **12 OGOS 2020** — Lantikan vendor
- **SEPT 2020** — Pembangunan sistem dan ujian penerimaan fungsi sistem pertama
- **OKTOBER 2020** — Pembangunan sistem dan ujian penerimaan fungsi sistem kedua
- **OKTOBER 2020** — Pembangunan sistem dan ujian penerimaan akhir sistem
- **7 JAN 2021** — Go Live!!!

MAHIR
MUFTI AGENT HUKUM ISLAMIC RELIGION

## 2.0 PENERANGAN HASIL INOVASI

### 2.1. RINGKASAN HASIL INOVASI

**Sistem Taudhih Al-Ahkam** adalah sistem soal jawab agama yang dibangunkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor bagi memberi peluang kepada masyarakat awam untuk mendapatkan maklumat dan menyalurkan persoalan berkaitan hukum syarak secara mudah, cepat dan tepat.

Permulaannya, pengurusan soal jawab agama dilaksanakan secara manual iaitu penerimaan persoalan secara e-mel dan kemudian dicetak serta diagihkan kepada panel-panel yang terlibat. Semenjak itu, teguran demi teguran bagi menambah baik perkhidmatan diterima khususnya ketika Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) (**LAMPIRAN 1**) dan juga teguran daripada Audit Dalam MS ISO 9001:2015 (**LAMPIRAN 2**).

Sistem soal jawab agama melalui e-mel dan diuruskan secara manual ini telah menimbulkan kelemahan yang sekiranya dibiarkan boleh mengakibatkan kepercayaan masyarakat awam ke atas perkhidmatan yang diberikan ini semakin menyusut. Antara isu yang dikenalpasti adalah:

i. Soalan lewat dijawab (**LAMPIRAN 3**)
ii. Menjawab soalan yang berulang (**LAMPIRAN 4**)
iii. Keciciran soalan (**LAMPIRAN 5**)

Rentetan beberapa teguran dan kelemahan tersebut, timbul cetusan idea bagi menangani permasalahan ini iaitu cadangan pembangunan aplikasi secara online semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) pada Oktober 2018 (**LAMPIRAN 6**).

Sekiranya pembangunan sistem ini tidak dilaksanakan, pastinya ia akan mengundang ketidak puasan hati masyarakat awam yang akan memberi maklum balas buruk berkaitan soal jawab agama di Jabatan Mufti Negeri Selangor (**LAMPIRAN 7**).

Berdasarkan kepada isu-isu yang telah dikenalpasti dan maklum balas yang diterima, jabatan ini telah memberi tanggungjawab kepada Bahagian Maktabah bagi mengenalpasti punca dan mencadangkan penambahbaikan yang boleh dilakukan ke atas perkhidmatan soal jawab agama ini. Setelah melalui beberapa sesi perjumpaan dan perbincangan, Bahagian Maktabah telah memuktamatkan sistem soal jawab agama yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

i. Memudahkan orang awam bertanya
ii. Mempercepatkan tempoh mendapat jawapan
iii. Mewujudkan bank soalan

iv. Kawalan pemantauan soalan oleh urus setia
v. Memudahkan pelaporan

Halangan paling utama dalam merealisasikan pembangunan sistem ini adalah kemampuan kewangan Jabatan Mufti Negeri Selangor yang terhad. Oleh yang demikian, permohonan peruntukan *One Off* telah dibuat kepada Perbendaharaan Negeri Selangor bagi tahun kewangan 2019 (**LAMPIRAN 8**) tetapi tidak mendapat kelulusan dan mencadangkan kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor supaya menggunakan peruntukan sedia ada tahun 2019. Tidak setakat itu, bagi memperkukuh lagi justifikasi kepentingan mewujudkan sistem ini, cadangan ini telah dibangkitkan kepada pihak pengurusan atasan semasa bengkel Pelan Strategik Jabatan Mufti Negeri Selangor Tahun 2020-2024 yang diadakan pada tahun yang sama (**LAMPIRAN 9**).

Pengurusan Tertinggi Jabatan Mufti Negeri Selangor bersetuju dengan cadangan tersebut dan mengarahkan Bahagian Maktabah agar menguruskan proses pembangunan sistem tersebut (**LAMPIRAN 10 DAN 11**). Justeru itu, Bahagian Maktabah telah mengorak langkah dengan membuat kajian pasaran yang merangkumi kos pembangunan dan teknologi yang digunakan dan seterusnya memanjangkan permohonan peruntukan kepada Lembaga Zakat Selangor sebagai alternatif peruntukan bagi pembangunan sistem ini (**LAMPIRAN 12**). Setelah mendapat kelulusan peruntukan sebanyak RM20,000.00 daripada Lembaga Zakat Selangor pada Ogos 2020 (**LAMPIRAN 13**), Jabatan Mufti Negeri Selangor bersetuju melantik syarikat HPCS Sdn. Bhd. sebagai pembekal bagi membangunkan sistem Taudhih Al-Ahkam.

Dalam proses membangunkan sistem ini, Bahagian Maktabah telah mengadakan beberapa sesi perbincangan bersama pihak pembekal bagi memutuskan reka bentuk konsep, proses kerja, fungsi setiap modul, peranan setiap pengguna dalam beberapa siri mesyuarat dan didokumenkan dalam Kajian Keperluan (**LAMPIRAN 14 dan 15**). Beberapa siri uji kaji dan percubaan juga telah dilaksanakan antara pihak pembekal dan pentadbir sistem serta pengguna bagi memastikan sistem yang dibangunkan ini berjalan dengan lancar, memudahkan dan memenuhi keperluan pengguna dalaman Jabatan Mufti Negeri Selangor dan pelanggan. Manual Pengguna Sistem juga turut dihasilkan bagi rujukan pengguna yang terlibat dengan sistem ini (**LAMPIRAN 16**).

Tanggal 7 Januari 2021 sistem Taudhih Al-Ahkam dilancarkan secara rasmi melalui laman web Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk diakses oleh orang awam dan digunakan sepenuhnya bagi perkhidmatan pengurusan soal jawab agama jabatan (**LAMPIRAN 17**). Bagi meluaskan lagi promosi berkaitan sistem baharu ini, ia turut diwar-warkan dalam Buletin at-Taqwa Bil. 31/2021 (**LAMPIRAN 18**).

### 2.1.1. Analisis S.W.O.T

Sistem ini dibangunkan atas dasar keperluan serta justifikasi yang kukuh. Analisis S.W.O.T (Strengths, Weakness, Opportunities, Threats) dirangka sebagaimana yang dijelaskan di bawah (**LAMPIRAN 19**).

**1. Kekuatan / Strengths**

**a. Badan Autoriti Dalam Hukum Syarak**

JMNS merupakan satu-satunya badan berautoriti yang diberi tanggungjawab dalam menjawab segala persoalan hukum syarak dalam Negeri Selangor. Persoalan ini melibatkan isu-isu berkaitan akidah, syariah dan akhlak islamiyyah sama ada yang diterima daripada masyarakat awam atau mana-mana agensi awam dan swasta yang ingin mendapatkan keputusan bagi sesuatu isu.

**b. Kepakaran Dalam Menjawab Persoalan**

JMNS mempunyai sumber manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan kompeten dalam menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh masyarakat awam. Pegawai dan kakitangan yang dilantik berperanan sebagai Urusetia, Panel Penjawab, Panel Penyemak dan Panel Pengesah akan mengembeling tenaga serta keilmuan bagi memastikan jawapan terhadap persoalan adalah sahih dan tepat.

**2. Kelemahan / Weakness**

**a. Sumber Manusia**

Merujuk carta organisasi di JMNS, tiada pegawai khusus yang bertanggungjawab bagi menjawab segala persoalan yang diterima. Pihak jabatan telah mengeluarkan surat pelantikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat daripada bahagian-bahagian di JMNS bagi menganggotai Panel Penjawab dan Panel Penyemak di samping pegawai-pegawai ini juga mempunyai tugas-tugas hakiki sedia ada yang perlu diselesaikan.

**b. Kewangan Terhad**

JMNS mempunyai sumber kewangan yang terhad. Peruntukan perbelanjaan semasa akan diutamakan kepada urusan pembayaran gaji dan pembayaran-pembayaran komitmen lain yang wajib didahulukan seperti perolehan aset, sewaan dan program-program jabatan yang telah dirancang. Proses kerja soal jawab agama sedia ada memerlukan penggunaan kertas dan toner yang banyak sebelum jawapan tersebut disahkan oleh Panel Pengesah.

**c. Kerja Berulang**

Proses kerja soal jawab agama ini kerap menerima soalan berulang daripada orang yang berbeza. Keadaan ini disebabkan ketiadaan koleksi atau bank soalan yang boleh menjadi rujukan orang awam terhadap isu-isu yang timbul. Ini menyebabkan pihak jabatan turut membuat kerja berulang bagi soalan yang sama dan ini akan berlaku pembaziran masa dan material.

**d. Keciciran Soalan**

Proses penyimpanan segala dokumen soal jawab agama ini memerlukan ruang penyimpanan yang besar serta fail-fail yang banyak. Soal jawab agama yang banyak diterima dalam satu-satu masa mengakibatkan berlakunya soalan yang tercicir daripada simpanan dalam fail rekod sedia ada. Edaran soalan juga kerap menghadapi isu keciciran soalan semasa berada dalam tindakan Panel Penjawab, Panel Penyemak dan Panel Pengesah. Paling ditakuti keciciran soalan akan menyebabkan tiada tindakan dilaksanakan sedangkan masyarakat awam sentiasa menanti jawapan kepada persoalan yang diberikan.

**e. Lewat Menjawab Persoalan**

JMNS menghadapi isu lewat dalam menjawab persoalan daripada tempoh masa yang ditetapkan iaitu setiap soalan hendaklah dijawab dalam tempoh 20 hari daripada soalan diterima. Keadaan ini disebabkan pihak urusetia perlu sentiasa berurusan dengan Panel Penjawab, Panel Penyemak dan Panel Pengesah bagi memastikan tempoh masa ini dipatuhi. Kelewatan ini sering berlaku disebabkan akses kepada soal jawab agama terhad di lokaliti pejabat sahaja kerana pengurusannya masih secara manual.

## 3. Peluang / Opportunities

**a. Menaikkan Imej Jabatan**

JMNS adalah satu-satunya badan berautoriti dalam menjawab/ merespon segala persoalan hukum Islam dalam negeri Selangor yang dikemukakan oleh masyarakat awam. Ini telah membuka ruang dan peluang yang besar kepada pihak jabatan terlibat secara langsung dengan masyarakat awam. Keadaan ini membolehkan JMNS sentiasa dipercayai, dirujuk dan dihubungi oleh masyarakat dan sekiranya perkhidmatan yang diberikan mengatasi ekspektasi masyarakat pastinya akan menaikkan imej JMNS.

**b. Peruntukan Majlis Agama Islam Selangor**

JMNS merupakan satu-satunya badan autoriti yang memperkasakan urusan soal jawab agama dan hukum Islam di negeri Selangor, justeru ia memberi peluang JMNS dalam menerima peruntukan tambahan dari agensi-agensi Islam lain sebagaimana yang diterima melalui pemberian peruntukan dari pihak Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor dalam membangunkan Sistem Taudhih al-Ahkam.

## 4. Ancaman / Threats

**a. Masyarakat Hilang Kepercayaan Kepada Jabatan Mufti**

Sekiranya langkah-langkah penambahbaikan tidak diselesaikan, pastinya kelemahan-kelemahan yang wujud dari perkhidmatan ini dikhuatiri menyebabkan masyarakat awam hilang kepercayaan dan imej JMNS akan terjejas. Keadaan ini menyebabkan orang ramai merujuk kepada pihak yang tidak berautoriti dan ditakuti jawapan yang diberikan tidak tepat yang boleh menyebabkan perpecahan dalam kalangan masyarakat dan lebih teruk lagi ia mengundang kepada merebaknya ajaran sesat dan fahaman yang salah.

## 2.2. TARIKH INOVASI DIHASILKAN

Projek sistem ini siap dibangunkan dan mula dilancarkan pada 7 Januari 2021 melalui platform laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk diakses oleh orang awam dan pengguna dalaman bagi perkhidmatan pengurusan soal jawab agama. Promosi penggunaan sistem turut dikeluarkan dalam laman web JMNS dan Buletin at-Taqwa Bil. 31.2021.

### 2.2.1. Penerangan Logo Taudhih Al-Ahkam

Logo Taudhih al-Ahkam yang direka terdiri beberapa eleman yang menggambarkan keseluruhan produk inovasi yang dilaksanakan. Elemen paling utama adalah bentuk kiub rubik yang membawa makna soalan yang sentiasa diterima dan ia perlu diselesaikan secara bersistematik.

# MAKSUD LOGO
# TAUDHIH AL-AHKAM

**WARNA MERAH KUNING**
Warna rasmi Negeri Selangor

**KALIGRAFI ARAB**
Khat Kufi kalimah 'Al-Ahkam'
( الأحكام )

TAUDHIH AL-AHKAM

**KIUB RUBIK**
Simbol masalah yang perlu diselesaikan

**KALIGRAFI ARAB**
Khat Kufi kalimah 'Taudhih' ( توضيح )

**TAUDHIH AL-AHKAM**
Perkataan arab yang bermaksud 'Penjelasan Hukum'

## 2.3. TUJUAN PROJEK INOVASI

Selain menangani pelbagai isu yang timbul semenjak pengurusan soal jawab agama ini wujud, Sistem Taudhih Al-Ahkam diwujudkan bagi memudahkan pihak PENTADBIR untuk menjalankan fungsinya dalam memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan dalam hal-hal berkaitan Aqidah, Syari'ah dan Akhlak Islamiyyah. Sistem ini juga diwujudkan bagi memudahkan PENGGUNA untuk membuat pertanyaan berkaitan hukum syarak kepada pihak yang berautoriti selaras dengan Seksyen 45 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Projek inovasi ini disimpulkan bagi memenuhi tujuan-tujuan berikut:

i. Memudahkan orang awam bertanya;
ii. Mempercepatkan tempoh mendapat jawapan;
iii. Mewujudkan bank soalan;
iv. Kawalan pemantauan soalan oleh urus setia; dan
v. Memudahkan pelaporan.

Melalui pemerhatian awal, perkhidmatan soal jawab agama ini turut dilaksanakan oleh agensi dan jabatan-jabatan mufti yang lain (**LAMPIRAN 20**). Namun ciri-ciri istimewa dan unik sememangnya ada pada Sistem Taudhih Al-Ahkam bagi memastikan sistem ini menawarkan ciri dan fungsi yang terbaik untuk diakses oleh orang awam dan juga Pentadbir sistem (**LAMPIRAN 21**).

Pembaharuan inovasi ini amat diperlukan bagi memastikan tujuan sistem ini diwujudkan dapat dipenuhi sebaiknya. Berdasarkan dapatan dalam laman sesawang www.lens.org, masih belum terdapat sistem seumpama ini yang telah didaftarkan. Jabatan Mufti Negeri Selangor komited ke arah memastikan sistem Taudhih Al-Ahkam dilindungi dari pencerobohan keaslian dan hak cipta dengan mendaftarkannya melalui agensi Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO).

lens.org

Lens Patent Search: islamic religious questions

LENS.ORG  English  Our Apps  Pricing  About  Guest Work Area  Register / Sign in  Support

695 Patents (250 Simple families)

islamic religious questions ? Search

Hide Query Details  Edit Search  Search Scholar

FILTERS

- Date Range
- Flags
- Jurisdiction
- Applicants
- Inventors
- Owners
- Agents & Attorneys
- Legal Status
- Publication Type
- Cited Works
- Biologicals
- Classifications
- Document Family
- Query Tools
- New Structured Search

# Patent Search Results

**Patents (695) = islamic AND religious AND questions**

**Filters:** No filters applied

| Patent Records | Simple Families | Extended Families | Cites Patents | Cited By Patents | Patent Citations |
|---|---|---|---|---|---|
| 695 | 250 | 103 | 574 | 632 | 35,422 |

Patents  Explore Citations New  Table  List  Analysis

Expand  Customise List  Save as Query  Share  Export  Family Options  Hide Analysis  Sort by Relevance

## Religion-based trivia board game and method of playing

US 2005/0073096 A1  Patent Application  Family: 3s / 3ex  Family Jurisdictions: WO, US
Legal Status: Discontinued
Application No: 68184403  Filed: Oct 7, 2003  Published: Apr 7, 2005  Earliest Priority: Oct 7, 2003
Applicants: Reynolds Patricia Helen
Inventors: Reynolds Patricia Helen
Cited Works: 0  Cited by: 4  Cites: 13  189-785-795-654-785
Additional Info: Discontinued  Full text  Abstract  Claim  Description

**Claims match:** 16 . The method of claim 11 , wherein the Islam action comprises at least one player of the playing ... 27 . The religion-based game of claim 17 , wherein the religion-based questions are multiple-choice questions. ... 26 . The religion-based game of claim 17 , wherein the playing team loses its turn if the game token is advanced onto the religious-action space.

Applicant Name Exact

| Soroca Adam | Ramer Jorey | Doughty D... | Jumptap Inc |
|---|---|---|---|
| 327 | 291 | 290 | 122 |
| Karasic Ne... | Millennial ... | Advanced ... | Groh Andr... |
| 85 | 47 | 25 | 14 |

FILTERS

- Date Range
- Flags
- Jurisdiction
- Applicants
- Inventors
- Owners
- Agents & Attorneys
- Legal Status
- Publication Type
- Cited Works
- Biologicals
- Classifications
- Document Family
- Query Tools
- New Structured Search

Expand  Customise List  Save as Query  Share  Export  Family Options  Hide Analysis  Sort by Relevance

## Religion-Based Trivia Board Game and Method of Playing

WO 2005/035082 A2  Patent Application  Family: 3s / 3ex  Family Jurisdictions: WO, US  Legal Status: Pending
Application No: 2004033447  Filed: Oct 7, 2004  Published: Apr 21, 2005  Earliest Priority: Oct 7, 2003
Applicants: Enlighten Games Inc , Reynolds Christa Patricia H
Inventors: Reynolds Christa Patricia H
Cited Works: 0  Cited by: 0  Cites: 0  179-474-713-335-764
Additional Info: Pending  Full text  Abstract  Claim  Description

**Claims match:** the plurality of religions comprise Christianity, Judaism, Buddhism, Hinduism, Islam, the New Religious ... , Islam, the New Religious Movement, Jainism, Baha'i Faith, Confucianism, Shinto, Sikhism, Taoism ... of religions comprise Christianity, Judaism, Buddhism, Hinduism, Islam, the New Religious Movement, Jainism

## Religion-Based Trivia Board Game and Method of Playing

WO 2005/035082 A3  Search Report  Family: 3s / 3ex  Family Jurisdictions: WO, US  Legal Status: Pending
Application No: 2004033447  Filed: Oct 7, 2004  Published: Aug 18, 2005  Earliest Priority: Oct 7, 2003
Applicants: Enlighten Games Inc , Reynolds Christa Patricia H
Inventors: Reynolds Christa Patricia H
Cited Works: 0  Cited by: 0  Cites: 2  Collections: 1  060-977-382-595-113
Additional Info: Pending  Full text  Abstract  Published

**Abstract match:** of spaces (102), where at least one space is a religious-action space (110) and each space ... an incorrect answer to a trivia question. The religious-action mechanism requires a team to perform ... Christianity, Judaism, Buddhism, Hinduism, Islam, New Religious Movement, Jainism, Baha'i Faith

## Educational morality game

US 2007/0090596 A1  Patent Application  Family: 1s / 1ex  Family Jurisdictions: US
Legal Status: Discontinued
Application No: 25355205  Filed: Oct 20, 2005  Published: Apr 26, 2007  Earliest Priority: Oct 20, 2005
Applicants: Rurycz Rachelle
Inventors: Rurycz Rachelle

Show 10 Results  < 1 2 3 4 5 >

Publications over time




Highlight a selection to filter by date

Legal Status




Jurisdictions

Feedback

### 2.3.1. Verifikasi Pemilihan Punca Masalah

Sistem Taudhih Al-Ahkam dibangunkan bagi mengatasi dan meminimakan beberapa punca masalah yang telah dikenalpasti dan menyebabkan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan tidak lancar, kurang teratur dan sering mendapat teguran daripada pihak audit seperti berikut:

**a. Faktor Manusia**

- Ketiadaan pegawai lantikan hakiki yang diwujudkan bagi menjalankan proses kerja soal jawab agama (Panel Penjawab, Penyemak dan Pengesah).
- Beban kerja yang tinggi kepada Panel Penjawab, Penyemak dan Pengesah yang terlibat kerana setiap pegawai mempunyai tugasan hakiki yang perlu dilaksanakan dan diutamakan.
- Kecuaian kakitangan dalam menguruskan perekodan dan penyimpanan ke atas dokumen soal jawab agama.

**b. Faktor Bahan**

- Penggunaan bahan cetak iaitu kertas dan toner yang tinggi bagi proses penyediaan jawapan kepada soalan-soalan yang diterima dari pelanggan.
- Penggunaan fail penyimpanan rekod yang banyak bagi menampung segala jawapan yang telah dikeluarkan kepada pihak pelanggan.
- Pengunaan ruang penyimpanan almari yang melebihi kapasiti muatan bagi menyimpan segala folder dan fail-fail berkaitan data-data statistik, salinan jawapan serta soalan.

**c. Faktor Kaedah**

Proses kerja secara manual memerlukan masa yang panjang bergantung keberadaan Panel Penjawab, Penyemak dan Pengesah di pejabat.

**d. Faktor Peralatan**

- Penggunaan mesin penyalin (fotostat) yang tinggi bagi membuat salinan ke atas segala soalan dan jawapan yang telah diterima dan selesai dilaksanakan bagi simpanan dan perekodan.
- Penggunaan mesin pencetak (toner) yang tinggi bagi penyediaan serta mencetak jawapan kepada soalan yang diterima daripada pelanggan.

### 2.3.2. Proses Pelaksanaan Inovasi

Projek ini dilaksanakan melalui pelantikan syarikat pembekal secara *outsource* dan perolehan membangunkan sistem ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja (RM20,000.00). Sumber kewangan yang diterima bagi pembangunan sistem ini adalah dari Lembaga Zakat Selangor (LZS) (**LAMPIRAN 22**).

Secara keseluruhannya, sistem ini telah mampu mencapai skala 9 bagi penilaian ***Technology Readiness Level*** (**TRL**) yang membawa maksud bahawa sistem/ tekonologi ini telah terbukti dalam persekitaran sebenar dan digunakan secara komersial.

#### a. Kesan Pelaksanaan Inovasi

Pelaksanaan inovasi telah memberi kesan kepada dua kategori utama pengguna iaitu:

**i. Masyarakat Awam**

Pewujudan bank soal jawab agama yang menyeluruh menjadi rujukan masyarakat umum berkaitan hukum syarak. Sekiranya pertanyaan hukum tidak terdapat dalam Bank Soalan, masyarakat awam dapat mengemukakan soalan melalui sistem yang sama dengan mudah, cepat dan tepat.

**ii. Pentadbir Sistem**

Sistem yang dibangunkan sangat memberi manfaat kepada pentabdir sistem yang merangkumi Urusetia, Panel Penjawab, Penyemak dan Pengesah. Keberjayaan sistem ini akan menjadikan proses kerja yang dahulunya secara manual bertukar kepada proses kerja atas talian yang lebih teratur, efisien, menjimatkan masa, membantu proses pemantauan dan mengurangkan kos.

**PERINGKAT KESEDIAAN TEKNOLOGI**

**TRL: TECHNOLOGY READINESS LEVEL**



| TRL | Deskripsi | Penerangan |
|---|---|---|
| 1. | Prinsip asas dipenuhi | Cetusan idea bagi pembangunan sistem Taudhih Al-Ahkam bermula pada 10 Oktober 2018 dan dibincangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Jabatan Mufti Negeri Selangor Tahun 2018 (**LAMPIRAN 6**). Selepas tarikh tersebut, kajian awal pasaran melibatkan keperluan sebenar dan aliran kerja sistem serta kajian kos mula dibincangkan. |
| 2. | Konsep asas teknologi mula dibangunkan | Berdasarkan kajian awal yang telah dibuat, cadangan pembangunan sistem dibincangkan terutamanya berkenaan proses kerja, *Software Development Lifecycle* (SDLC), bahasa pengaturcaraan, struktur, rekabentuk, pangkalan data, antaramuka dan lain-lain dalam beberapa siri Mesyuarat Sistem eKemusykilan JMNS yang diadakan secara online (**LAMPIRAN 14**). |
| 3. | Bukti konsep eksperimental | Cadangan awal bagi konsep asas teknologi yang telah dibuat, dibincangkan dengan lebih lanjut berdasarkan kesesuaian teknologi yang akan digunakan bagi pembangunan sistem bersesuaian dengan kos pembangunan.<br><br>Keperluan sebenar pengguna yang melibatkan aliran kerja sistem disesuaikan dengan pembangunan sistem yang akan dibuat kelak.<br><br>Rujuk Kajian Keperluan Pengguna seperti di (**LAMPIRAN 15**). |
| 4. | Sistem/teknologi disahkan di makmal | Penyelidikan dan kajian seterusnya dirancang bagi membolehkan sistem dan teknologi yang dipilih dapat berfungsi dan beroperasi secara optimum melibatkan *hosting server*, kapasiti server dan storan, capaian menggunakan rangkaian yang bersesuaian dan isu-isu keselamatan sistem.<br><br>Pembekal yang dilantik mula membangunkan prototaip sistem mengikut *Software Development Lifecycle* (SDLC) yang telah dipilih berdasarkan jangka masa yang telah ditetapkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. |
| 5. | Sistem/teknologi disahkan dalam simulasi | Pada September 2020, sistem yang telah dibangunkan di persekitaran pihak pembekal mula dipasang di persekitaran sebenar yang telah diputuskan semasa fasa perancangan. Aktiviti |

| | | |
|---|---|---|
| | persekitaran sebenar | instalasi sistem dilakukan menggunakan infrastruktur dan persekitaran di Jabatan Mufti Negeri Selangor. |
| 6. | Sistem/teknologi digunakan dalam persekitaran sebenar | Ujian Penerimaan Fungsi sistem dilakukan oleh pembekal bersama dengan pengguna sistem sebanyak dua kali dan pembetulan diaksanakan berdasarkan komen dari pemilik dan pengguna akhir sistem. |
| 7. | Sistem/teknologi beroperasi sepenuhnya dalam persekitaran sebenar | Setelah Ujian Penerimaan Fungsi selesai, Ujian Penerimaan Akhir (*Final Acceptance Test*) dilaksanakan bersama dengan pemilik dan pengguna akhir sistem.<br><br>Demontrasi dan latihan sistem dilaksanakan dengan pemilik dan pengguna sistem bagi menguji dan memastikan sistem beroperasi dalam situasi sebenar dengan baik. |
| 8. | Sistem/teknologi telah lengkap dan layak digunakan | Pada penghujung tahun 2020, pembangunan sistem telah lengkap dan pengujian selesai dilaksanakan dalam persekitaran infrastuktur Jabatan Mufti Negeri Selangor.<br><br>Manual Pengguna Sistem bagi semua peringkat pengguna slstem adalah seperti di (**LAMPIRAN 16**). |
| 9. | Sistem/teknologi telah terbukti dalam persekitaran sebenar | Sistem Taudhih Al-Ahkam telah dilancarkan secara rasmi (Go Live) pada 7 Januari 2021 melalui platform laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk diakses oleh orang awam dan pengguna dalaman bagi perkhidmatan pengurusan soal jawab agama (**LAMPIRAN 17**).<br><br>Bagi meluaskan lagi promosi berkaitan sistem baharu ini, ia turut diwar-warkan dalam Buletin at-Taqwa Bil. 31/2021 (**LAMPIRAN 18**). |

## 2.4. PROSES SEBELUM DAN SELEPAS

Sebelum Sistem Taudhih Al-Ahkam diwujudkan, proses perkhidmatan soal jawab agama ini dilaksanakan secara manual dan memerlukan tempoh masa yang panjang dan soalan yang berulang dari mula proses penerimaan soalan sehingga jawapan disahkan serta dikembalikan semula kepada pelanggan.

Di samping komitmen para Panel-panel soal jawab agama yang mempunyai kekangan tugasan hakiki serta lokaliti pelaksanaan proses kerja hanya di pejabat sering kali berlakunya kelewatan tempoh waktu jawapan diserahkan kepada pelanggan. Begitu juga, disebabkan pelaksanaan proses kerja ini secara manual, penggunaan kertas yang banyak serta bahan pencetak (*carbon usage*) memberi kesan kepada peningkatan kos kewangan dan pematuhan kepada alam sekitar.

Selepas Sistem Taudhih Al-Ahkam diwujudkan, semua proses kerja dapat dilaksanakan secara atas talian, lebih bersistematik, teratur dan boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana jua tempat berada melalui capaian internet. Pelanggan mudah untuk membuat carian awal ke atas persoalan yang hendak diutarakan melalui Bank Soalan dan pertanyaan boleh terus diutarakan dalam masa yang sama sekiranya pertanyaan tidak wujud dalam Bank Soalan. Pertukaran proses kerja yang menjurus kepada atas talian ini telah dapat menjimatkan kos penggunaan kertas, bahan cetakan dan dapat meminimakan soalan berulang yang diberikan oleh pelanggan.

## PROSES SEBELUM SISTEM TAUDHIH AL-AHKAM




## PROSES SELEPAS SISTEM TAUDHIH AL-AHKAM




**Perbandingan sebelum dan selepas Sistem Taudhih Al-Ahkam:**

i. Meringkaskan proses kerja sedia ada
ii. Memudahkan carian kepada pelanggan mengikut kategori
iii. Perkhidmatan tanpa kertas dapat menjimatkan kos

## 2.5. ELEMEN PENURUNAN KUASA

### 2.5.1. Pelantikan Vendor

JMNS telah melantik syarikat HPCS Sdn. Bhd. sebagai pembekal bagi membangunkan Sistem Taudhih Al-Ahkam. Pihak pembekal hanya diberi kuasa membantu pihak jabatan membangunkan sistem soal jawab agama. Manakala hak cipta Taudhih Al-Ahkam merupakan hak cipta sepenuhnya milik JMNS. Pihak pembekal juga tidak berhak menjual atau mempromosikan Taudhih Al-Ahkam kepada mana-mana agensi tanpa kebenaran JMNS.

### 2.5.2. Kebenaran Menyertai Pertandingan Inovasi (AINS 2023)

JMNS telah melantik seramai sebelas (11) orang pegawai dan kakitangan bagi menganggotai Kumpulan Inovasi JMNS dan menyertai pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor bagi tahun 2023 (AINS 2023) anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Kumpulan Inovasi JMNS ini telah diberi kuasa dan mandat oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor dengan menggunakan sumber Jabatan bagi menyediakan semua keperluan-keperluan bagi menyertai pertandingan ini. Kumpulan Inovasi JMNS juga diberi kuasa berkongsi maklumat (*knowledge sharing*) berkaitan info-info jabatan yang diperlukan dalam pertandingan ini (**LAMPIRAN 23**).

### 2.5.3. Pelantikan Fasilitator

JMNS telah melantik YBhg. Puan Zarina binti Mohd Shariff, Konsultan Deeyz Enterprise dan Dr. Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham, Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Pahang selaku fasilitator dalam membantu Kumpulan Inovasi JMNS menyediakan keseluruhan keperluan yang diperlukan bagi menyertai AINS 2023. Puan Zarina dan Dr. Ahmad Irfan turut diberi kuasa meneliti dokumen-dokumen serta produk akhir yang berkaitan AINS 2023. Kedua- dua fasilitator turut dipastikan tidak berkongsi semua maklumat yang diperolehi kepada pihak lain tanpa kebenaran JMNS (**LAMPIRAN 24**).

## 2.6. KUMPULAN SASAR DAN SKOP LIPUTAN

Sistem Taudhih Al-Ahkam disasarkan penggunaannya kepada orang ramai sama ada Islam atau bukan Islam dari dalam negara atau luar negara selagi mempunyai capaian internet.

Sistem ini juga disasarkan penggunaannya kepada Pentadbir Sistem dalam kalangan pegawai-pegawai di JMNS melibatkan pihak Urusetia, Panel Penjawab, Panel Penyemak dan Panel Pengesah.

## 2.7. IMPAK INOVASI TERHADAP KUMPULAN SASAR

### 2.7.1 Elemen Inovatif

| Menambahbaik sistem pengurusan dan penyampaian perkhidmatan | |
|---|---|
| **Sebelum Inovasi** | **Selepas Inovasi** |
| Proses kerja secara manual dalam kalangan pegawai. Tempoh masa yang terhad bagi menjalankan proses kerja ini dalam waktu pejabat sahaja. | Semua proses kerja dijalankan secara atas talian, sistematik dan boleh diakses pada bila-bila masa dan tempat. |

| Akses internet | |
|---|---|
| **Sebelum Inovasi** | **Selepas Inovasi** |
| Pelanggan perlu menunggu tempoh masa yang panjang bagi menerima jawapan ke atas persoalan yang diajukan. | Pelanggan dan Pentadbir mudah untuk mengakses sistem ini selagi mana lokaliti tersebut mempunyai capaian internet tanpa perlu menunggu pejabat dibuka. |

### 2.7.2. Elemen Keberkesanan

| Mengelakkan soalan berulang | |
|---|---|
| **Sebelum Inovasi** | **Selepas Inovasi** |
| Terdapat **50** soalan hukum syarak yang berulang dari pelanggan sepanjang tahun 2018 hingga 2020. | Terdapat hanya **8** permohonan yang dikenalpasti sepanjang 2021 hingga kini. |

| Memastikan soalan dapat dijawab dalam tempoh masa yang ditetapkan | |
|---|---|
| **Sebelum Inovasi** | **Selepas Inovasi** |
| Penyediaan jawapan tidak mencapai peratusan 100% mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. | Penyediaan jawapan mencapai peratusan 100% mengikut tempoh masa yang ditetapkan. |

| Kemudahkesanan ke atas soalan dan jawapan yang direkodkan | |
|---|---|
| **Sebelum Inovasi** | **Selepas Inovasi** |
| Kesukaran dalam mengesan semula soalan dan jawapan lepas serta memerlukan tempoh masa yang lama untuk mengesannya semula. | Bank soalan diwujudkan dan memudahkan untuk pencarian semula soalan dan jawapan yang telah disediakan untuk rujukan. |

### 2.7.3. Elemen Signifikan

| Memenuhi Pelan Strategik Jabatan Mufti Negeri Selangor 2020-2024 | |
|---|---|
| **Sebelum Inovasi** | **Selepas Inovasi** |
| Tiada ketetapan dalam Pelan Strategik Jabatan Mufti Negeri Selangor 2015-2019 | Mencapai ketetapan dalam Teras Kedua (Memperkasakan Mekanisme Penyampaian Perkhidmatan) Pelan Strategik Jabatan Mufti Negeri Selangor 2020-2024 |

### 2.7.4. Elemen Relevan

| Dasar penjimatan | |
|---|---|
| **Sebelum Inovasi** | **Selepas Inovasi** |
| Penggunaan kertas A4, *toner* dan ruang penyimpanan dalam skala yang tinggi. | Mengurangkan penggunaan kepada kertas, *toner* dan ruang penyimpanan yang tinggi, sekaligus dapat menjimatkan kos kewangan jabatan.<br><br>Sistem ini menepati penilaian skala *Sustainable Development Goal* (SDG) UN di https://sdgs.un.org/goals dalam skala (3, 4, 11, 12, 16) bagi maksud mendokong legasi keselamatan dan kelestarian alam sekitar. (**LAMPIRAN 25**) |

### 2.7.5. Pengiktirafan Diterima

Sistem ini berkait dengan proses kerja yang telah diiktiraf oleh persijilan MS ISO 9001:2015.

Proses kerja sistem soal jawab agama ini telah menjadi *benchmark* atau penanda aras oleh jabatan-jabatan mufti negeri lain bagi membangunkan sistem soal jawab agama seumpama yang dibangunkan oleh JMNS.

### 2.7.6. Senarai Gambar

| BIL | PERKARA |
|---|---|
| 1. | Gambar Proses Kerja Berkaitan Soal Jawab Agama Sebelum Taudhih Al-Ahkam<br><br>1.1 Menerima Soalan Agama Melalui Emel<br>1.2 Memberi Maklum Balas Kepada Pelanggan<br>1.3 Mencetak Soalan Yang Diterima<br>1.4 Masukkan Soalan Dalam Folder Pegawai Penjawab<br>1.5 Semakan Jawapan Oleh Pegawai Pengesah |
| 2. | Gambar Proses Kerja Berkaitan Soal Jawab Agama Dengan Taudhih Al-Ahkam<br><br>2.1 Menerima Soalan Melalui Sistem Taudhih Al-Ahkam<br>2.2 Maklumat Peribadi Pemohon<br>2.3 Semakan Oleh Pegawai Penyemak<br>2.4 Semakan Oleh Pegawai Pengesah<br>2.5 Bank Soalan Sistem Taudhih Al-Ahkam |
| 3. | Gambar Folder Yang Digunakan Sebelum Taudhih Al-Ahkam |
| 4. | Gambar Rak Ruang Penyimpanan Sebelum Taudhih Al-Ahkam |
| 5. | Gambar Pelancaran Sistem Taudhih Al-Ahkam |

## LAWATAN BAHAGIAN MAKTABAH KE JABATAN MUFTI NEGERI SEMBILAN















muftins.gov.my
SELAMAT DATANG KE JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
Mengenai Kami
Perkhidmatan
Informasi
Bantuan
Cerapan Rasmi Hilal Syauwal 1444
Tanwir Ramadhan Siri 2 2023
Tanwir Ramadhan Siri 1 2023
Lihat Lagi
SOAL JAWAB
Koleksi Soal Jawab Agama yang telah dihantar kepada Jabatan Mufti
FALAK & SUMBER MAKLUMAT
Koleksi Falak yang telah Dikeluarkan oleh Jabatan Mufti
HIMPUNAN FATWA
Koleksi Himpunan Fatwa yang telah dihantar kepada Jabatan Mufti di dalam bentuk digital
TARIQAT TASAUWUF
Koleksi Tariqat Tasauwuf yang dikumpul oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan
Waktu Solat
ZON 3 (Seremban & Port dickson)


muftins.gov.my/soaljawab/
Muftins.gov.my
Mengenai Kami
Perkhidmatan
Informasi
Bantuan
Hubungi Kami
SELAMAT DATANG KE JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
Soal Jawab
Home » Soal Jawab
Soal Jawab
Hukum qaza'
Malas qada' solat
Bayar zakat fitrah anak angkat
Najis anjing
Akidah (2)
Ibadat (52)
Makanan (2)
Muamalat (5)
Munakahat (20)
Sosial (20)
Syariah (39)
Umum (61)

### 2.7.7. Senarai Lampiran

| BIL | PERKARA |
|---|---|
| 1. | Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) 2016 -2020 |
| 2. | Laporan Audit Dalam MS ISO 9001:2015 Tahun 2018 |
| 3. | Statistik Kelewatan Menjawab Soalan |
| 4. | Statistik Soalan Berulang |
| 5. | Statistik Keciciran Soalan Sebelum Dan Selepas (2018 – 2020) |
| 6. | Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) 2018 (CETUSAN IDEA) |
| 7. | Statistik Kepuasan Pelanggan Keseluruhan (2018 – 2023) |
| 8. | Cadangan Peruntukan *One Off* Tahun 2019 |
| 9. | Pelan Strategik JMNS 2020 - 2024 |
| 10. | Minit Mesyuarat Bahagian Maktabah 4/2019 |
| 11. | Minit Mesyuarat Pengurusan JMNS 9 /2019 |
| 12. | Surat Permohonan Kelulusan Peruntukan LZS 2019 |
| 13. | Surat Setuju Terima Kepada Syarikat Pembekal |
| 14. | Mesyuarat E-Kemusykilan |
| 15. | Kajian Keperluan Pengguna |
| 16. | Manual Pengguna Sistem |
| 17. | Pelancaran Sistem |
| 18. | Poster Promosi Dalam Buletin At-Taqwa |
| 19. | Analisis S.W.O.T |
| 20. | Perbandingan Sistem Antara Agensi |
| 21. | Ciri – Ciri Perbandingan Sistem |
| 22. | Surat Tuntutan Bayaran Kepada LZS |
| 23. | Surat Pelantikan Ahli Kumpulan Inovasi JMNS 2023 |
| 24. | Surat Pelantikan Fasilitator |
| 25. | Penilaian Skala *Sustainable Development Goal* (SDG) |
| 26. | Statistik Menjawab Soalan Dalam Tempoh 20 Hari Bekerja (2018 – 2023) |

## 2.8. IMPLIKASI KEWANGAN

### 2.8.1. Proses Kerja Sebelum Inovasi

Proses kerja soal jawab agama sedia ada dibuat secara manual dan memerlukan kebergantungan kepada penggunaan kertas dan bahan cetakan (toner) yang banyak. Semua soalan yang diterima akan dicetak dan diedarkan kepada semua Panel Penjawab, Panel Penyemak dan Panel Pengesah. Proses kerja ini dilakukan secara berulang sehingga jawapan terhadap soalan tersebut selesai disahkan dan dihantar semula kepada pelanggan.

### 2.8.2. Proses Kerja Selepas Inovasi

Pembangunan sistem ini telah menyebabkan implikasi kewangan sebanyak RM20,000.00 pada awal pembangunannya yang dibayar kepada syarikat pembekal. Selepas sistem ini digunakan sepenuhnya (*go live*), tiada lagi kos pengurusan yang terlibat, penggunaan kertas sangat minima serta tiada keperluan mencetak soalan.

Selain itu, tiada lagi penggunaan folder dan tiada lagi keperluan penggunaan ruang penyimpanan yang besar seperti sebelum ini. Semua data disimpan dalam infrastruktur pelayan (*server*) yang disediakan. Di samping itu, ia memberi kesan kepada pematuhan menjawab soal jawab agama dalam tempoh yang ditetapkan, bahkan ia boleh diserahkan kepada orang awam dalam jangka masa yang lebih cepat (**LAMPIRAN 26**).

# PROSES KERJA SEBELUM ADA SISTEM TAUDHIH AL-AHKAM

## PENERIMAAN SOALJAWAB AGAMA MELALUI EMEL





1. Menerima soalan daripada pelanggan melalui emel soaljawab@muftiselangor.gov.my.



2. Urusetia membalas penerimaan emel pelanggan.



3. Urusetia mencetak soalan tersebut. Kemudian menetapkan kategori soalan dan menetapkan Panel Penjawab.

SOAL JAWAB AGAMA E-MEL

TARIKH EDARAN: ......................

| | |
|---|---|
| **NAMA PANEL** | **U JAHRIN** |
| **TARIKH** | |
| **T/TANGAN** | |
| **NO. SIRI** | **800 / 2020** |
| **TARIKH AKHIR** | **2 OKT 2020** |

